

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	I
KATA - KATA ALUAN KETUA SETIAUSAHA MOT	II
PENGENALAN	1
CARTA ORGANISASI PROJEK PSTM	2
PENDEKATAN PELAKSANAAN PSTM MOT	3
VISI, MISI DAN TERAS STRATEGIK BISNES MOT	4
VISI, MISI DAN TERAS STRATEGIK ICT MOT	5
PENYELARASAN TERAS BISNES DENGAN TERAS ICT	6
INISIATIF STRATEGIK ICT MOT	7
PEMETAAN INISIATIF STRATEGIK ICT MOT DENGAN RANGKA KERJA ICT SEKTOR AWAM	8
PELAN TINDAKAN	10
PELAN PELAKSANAAN	19
FAKTOR KRITIKAL KEJAYAAN	21
PENUTUP	22

KATA - KATA ALUAN KETUA SETIAUSAHA MOT

Terlebih dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbangkan idea dan tenaga bagi menghasilkan Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) Kementerian Pengangkutan bagi tempoh 2016 - 2020.

Dewasa ini, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Information and Communication Technology-ICT) digunakan secara meluas di Malaysia bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kerajaan digital. Sebagai sebuah kementerian yang menerajui sektor pengangkutan negara, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) memerlukan perancangan ICT yang strategik yang dapat menyokong pengurusan dan hala tuju. MOT telah mengambil langkah proaktif membangunkan pelan strategik ICT bagi menjajarkan inisiatif ICT secara menyeluruh menghadapi cabaran perkhidmatan sektor pengangkutan bagi menyediakan Malaysia ke arah negara maju.

Sehubungan itu dengan terhasilnya dokumen PSTM ini, adalah diharapkan ianya dapat dijadikan sebagai garis panduan atau *blueprint* bagi pembangunan serta pelaksanaan program-program ICT MOT dengan lebih sistematik. Pengurusan ICT yang baik dan efektif seterusnya akan meningkatkan produktiviti serta memberi nilai tambah kepada perkhidmatan sedia ada.

Akhir kata, adalah menjadi harapan saya agar semua warga MOT dapat mengaplikasikan penggunaan ICT secara kreatif dan inovatif bagi memastikan sistem penyampaian kerajaan memenuhi ekspektasi semua pihak. Seterusnya semua program ICT yang telah dirancang dalam PSTM ini dapat dilaksanakan dengan sempurna bagi menyokong Visi dan Misi MOT secara menyeluruh.

YBhg. Datuk Seri Hj. Saripuddin Bin Hj. Kasim

Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia

PENGENALAN

Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) merupakan pelan atau *blueprint* yang mengandungi garis panduan pelaksanaan projek ICT yang terancang dan selaras dengan keutamaan keperluan pengurusan dan operasi sesebuah Agensi untuk tempoh masa tertentu. PSTM juga berperanan dalam mengenal pasti inisiatif-inisiatif strategik, yang disokong oleh sistem aplikasi, teknologi, pembangunan sumber manusia dan tadbir urus ICT.


Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara pada Oktober 1999, telah memutuskan bahawa semua agensi kerajaan perlu membangunkan PSTM. Arahan daripada Surat Pekeliling Am Bil. 4/2004 juga menyatakan bahawa Kementerian dan Jabatan/Agensi di bawahnya hendaklah merancang dan menyelaraskan pelaksanaan program/projek-projek ICT supaya selaras dengan PSTM Kementerian dan Jabatan/Agensi.

Sehubungan dengan itu, PSTM MOT telah dihasilkan sebagai garis panduan kepada perancangan, pembangunan dan pelaksanaan projek-projek ICT di MOT bagi tempoh lima (5) tahun iaitu dari tahun 2016 hingga tahun 2020 selaras dengan Pelan Strategik ICT Sektor Awam (2016-2020).

PSTM MOT telah dibangunkan oleh Pasukan Pembangunan PSTM MOT yang terdiri daripada Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) selaku urus setia, serta warga kerja di setiap Bahagian di bawah MOT.

CARTA ORGANISASI PROJEK PSTM


Satu pasukan telah dibentuk untuk memastikan pembangunan PSTM ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Pembangunan PSTM ini dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Maklumat (CIO) MOT. Carta organisasi Pasukan Pembangunan PSTM MOT ini adalah seperti **Rajah 1**.



Rajah 1: Carta Organisasi Pasukan Pembangunan PSTM MOT 2016-2020

PENDEKATAN PELAKSANAAN PSTM MOT

Pembangunan PSTM ini menggunakan Metodologi ASF (Analisis, Strategi dan Formulasi). Metodologi ASF seperti **Rajah 2** diguna pakai untuk mengetahui keperluan bisnes dan diterjemahkan bagi menentukan keperluan ICT MOT bagi tempoh lima (5) tahun (2016 - 2020).



Rajah 2: Metodologi ASF

VISI, MISI DAN TERAS STRATEGIK BISNES MOT


Visi, misi dan teras strategik MOT merupakan garis panduan dan hala tuju bagi pembangunan PSTM MOT 2016-2020. Visi, misi dan teras strategik MOT adalah seperti di **Rajah 3**.



Rajah 3: Visi, Misi Dan Teras Strategik MOT

VISI, MISI DAN TERAS STRATEGIK ICT MOT


Visi , misi dan teras strategik ICT telah ditetapkan bagi memastikan visi, misi dan teras strategik MOT dapat dicapai. Visi , misi dan teras strategik ICT adalah seperti dalam **Rajah 4**.



Rajah 4: Visi, Misi Dan Teras Strategik ICT MOT

PENJAJARAN TERAS BISNES MOT DAN TERAS ICT MOT

Visi, misi dan teras strategik ICT perlu di selaraskan dengan teras strategik MOT bagi memastikan perancangan strategik ICT dapat meningkatkan penyampaian perkhidmatan MOT seterusnya dapat mencapai misi dan visi MOT. Penyelarasan teras bisnes dengan teras ICT adalah seperti dalam **Rajah 5**.



Rajah 5: Penjajaran Strategi Bisnes dengan Strategi ICT MOT

INISIATIF STRATEGIK ICT MOT


Empat (4) teras strategik ICT dibentuk bagi menentukan visi, misi MOT dicapai. Di bawah teras-teras tersebut, beberapa inisiatif dirancang bagi menyokong pelaksanaan dan pencapaian visi dan misi MOT. Inisiatif bagi setiap teras adalah seperti dalam **Jadual 1**.

Jadual 1: Inisiatif ICT MOT

Teras	Inisiatif
1. Pengukuhan Infrastruktur ICT yang Selamat dan Efisien	• Peningkatan perkakasan dan perisian ICT
	• Peningkatan tahap keupayaan dan keselamatan ICT
	• Peningkatan dan pengukuhan pusat data
2. Pematapan Aplikasi secara Bersepadu, Selamat dan Berkesan	• Kajian Pembangunan Sistem Maklumat Pengangkutan Negara
	• Peningkatan dan pengintegrasian aplikasi sedia ada
	• Penyelenggaraan aplikasi
	• Pembangunan Enterprise Architecture (EA)
3. Pematapan dan Pematuhan Tadbir Urus ICT	• Perwujudan dan Pematapan Jawatankuasa ICT yang lebih menyeluruh dan komprehensif
	• Pengukuhan semula struktur BPM
	• Penggubalan dan pengukuhan dasar-dasar ICT
4. Pengukuhan Kapasiti Modal Insan melalui Pembudayaan/Latihan ICT	• Peningkatan tahap kepakaran dan kemahiran ICT di kalangan: <ul style="list-style-type: none">- Personel ICT- Warga MOT
	• Peningkatan tahap kesedaran terhadap keperluan dan pengetahuan ICT di kalangan warga MOT.
	• Penggunaan aplikasi untuk peningkatan kualiti kerja secara optimum.


PEMETAAN RANGKA KERJA ICT MOT DENGAN SASARAN STRATEGIK SEKTOR AWAM ICT

Rangka kerja ICT MOT yang dibangunkan adalah selaras dengan Sasaran Strategik ICT Terpilih 2016 – 2020 ISP Sektor Awam seperti di **Rajah 6**.



Rajah 6: Sasaran Strategik ICT Terpilih 2016 – 2020 ISP Sektor Awam

Pemetaan perancangan pelaksanaan inisiatif ICT MOT bagi tempoh lima (5) tahun iaitu dari 2016 sehingga 2020 selari dengan Rangka Kerja ISP Sektor Awam adalah seperti di Rajah 7.



Rajah 7: Rangka Kerja ICT MOT

PELAN TINDAKAN

PSTM MOT telah mengenal pasti sebanyak 12 inisiatif dan 33 program. Inisiatif ini adalah selari dengan perancangan pelaksanaan ICT untuk mengatasi isu ICT semasa dan pemacu ke arah kecemerlangan sistem penyampaian MOT berteraskan ICT. Pelaksanaan inisiatif dan program ICT ini bermula pada tahun 2016 hingga tahun 2020. Inisiatif dan program ICT tersebut dibangunkan mengikut empat (4) Teras Strategik ICT MOT seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2: Bilangan Inisiatif dan Program ICT MOT

Teras	Nama Teras	Inisiatif	Program
1.	Pengukuhan infrastruktur ICT yang selamat dan efisien	3	10
2.	Pemantapan aplikasi secara bersepadu, selamat dan berkesan	4	10
3.	Pemantapan dan pematuhan tadbir urus ICT	3	8
4.	Pengukuhan kapasiti modal insan melalui pembudayaan/latihan ICT	3	8
JUMLAH		13	36

Inisiatif dan program ICT serta Petunjuk Prestasi Utama (KPI) mengikut teras adalah seperti di jadual **Jadual 3**.

Jadual 3: KPI setiap Inisiatif dan Program ICT MOT

Inisiatif	Program	KPI
Teras 1 : Pengukuhan Infrastruktur ICT Yang Selamat dan Efisien		
1. Peningkatan perkakasan dan perisian ICT	1. Kajian keperluan peralatan dan perisian ICT di setiap Bahagian/Unit	Disember 2016 Satu (1) dokumen laporan kajian keperluan peralatan dan perisian ICT dilluluskan
	2. Perolehan perkakasan dan	

Inisiatif	Program	KPI
	perisian ICT	
	<ul style="list-style-type: none"> Perolehan bagi memenuhi keperluan MOT & Agensi MOT 	<p><u>Disember 2016</u> Perolehan sebanyak 15% dilaksanakan</p> <p><u>Disember 2017</u> Perolehan sebanyak 45% dilaksanakan</p> <p><u>Disember 2018</u> Perolehan sebanyak 80% dilaksanakan</p> <p><u>Disember 2019</u> Perolehan sebanyak 100% dilaksanakan</p>
2. Peningkatan tahap keupayaan dan keselamatan ICT	3. Kajian peningkatan: <ul style="list-style-type: none"> i. keupayaan dan keselamatan rangkaian 	<p><u>Disember 2016</u> Satu (1) laporan kajian peningkatan keupayaan dan keselamatan rangkaian diluluskan</p>
	4. Pelaksanaan hasil kajian <ul style="list-style-type: none"> ii. keupayaan dan keselamatan rangkaian 	<p><u>Disember 2016</u> Perolehan sebanyak 25% dilaksanakan</p> <p><u>Disember 2017</u> Perolehan sebanyak 50% dilaksanakan</p> <p><u>Disember 2018</u> Perolehan sebanyak 75% dilaksanakan</p> <p><u>Disember 2019</u> Perolehan sebanyak 100% dilaksanakan</p>
	5. Penyelenggaraan ICT <ul style="list-style-type: none"> iii. perkakasan iv. perisian v. rangkaian 	<p><u>Disember 2016</u> Satu (1) Kertas cadangan CM dan PM diluluskan</p> <p><u>Januari 2017-Disember 2020</u> Laporan PM disediakan dua (2) kali setahun</p> <p><u>Januari 2017-Disember 2020</u> Laporan CM disediakan dua (2) kali setahun</p>

Inisiatif	Program	KPI
	6. Pelaksanaan SPA/Network Audit, HiLRA/MyRAM	<u>Disember 2017</u> Pelaksanaan SPA, Network Audit dilaksanakan 1 kali <u>Disember 2019</u> Pelaksanaan SPA, Network Audit dilaksanakan 1 kali <u>Januari 2017- Disember 2020</u> HiLRA/MyRAM dibuat satu (1) kali setahun
	7. Pensijilan ISMS	<u>Disember 2018</u> Satu (1) dokumen pensijilan
	3. Peningkatan dan pengukuhan pusat data	8. Kajian keperluan peningkatan keupayaan pusat data berdasarkan piawaian antarabangsa
	9. Naik taraf pusat data	<u>Disember 2016</u> Perolehan sebanyak 25% dilaksanakan <u>Disember 2017</u> Perolehan sebanyak 50% dilaksanakan <u>Disember 2018</u> Perolehan sebanyak 100% dilaksanakan
	10. Penyediaan Pusat Pemulihan Bencana (DRC)	<u>Jun 2018</u> Satu (1) DRC dibangunkan
	Teras 2 : Pemantapan Aplikasi secara Bersepadu, Selamat dan Berkesan	
4. Kajian Pembangunan Sistem Maklumat Pengangkutan Negara	11. Kajian pembangunan sistem	<u>September 2018</u> Satu (1) dokumen laporan kajian berserta keperluan spesifikasi sistem (SRS) dijangka siap

Inisiatif	Program	KPI
	12. Penyediaan Infrastruktur (bagi Pembangunan Sistem Maklumat Pengangkutan Negara (SMPN))	<p><u>Januari 2019</u> Satu (1) dokumen spesifikasi tender siap dibangunkan</p> <p><u>Mac 2019</u> Pelantikan kontraktor</p> <p><u>Jun 2019</u> Penerimaan dan pemasangan peralatan</p>
	13. Pembangunan pangkalan data dan aplikasi baru yang telah diputuskan melalui kajian secara Outsource <ul style="list-style-type: none"> • Statistik Sektoral (Darat, Maritim, Udara) • Pemantauan dan Pelaporan • Semakan Keputusan • Sistem khidmat pelanggan 	<p><u>Januari 2019</u> Satu (1) dokumen spesifikasi tender siap dibangunkan</p> <p><u>Mac 2019</u> Pelantikan kontraktor</p> <p><u>Mac 2019 - Februari 2020</u> Satu (1) Sistem Fasa I siap dibangunkan</p> <p><u>Sept 2020 - Okt 2020</u> Satu (1) Sistem Fasa II siap dibangunkan</p>
	14. Pembangunan Sistem sokongan secara outsource	<p><u>Disember 2016</u> Satu (1) sistem dashboard</p> <p><u>Januari 2017 - Disember 2018</u> Dua (2) pembangunan sistem sokongan secara outsource</p>
5. Peningkatan dan pengintegrasian aplikasi sedia ada	15. Penambahbaikan aplikasi sedia ada yang dikenal pasti:	<p><u>Jun 2016 - Disember 2017</u> Satu (1) sistem aplikasi</p> <p><u>Januari 2017 - Disember 2017</u> Tiga (3) sistem:</p> <ul style="list-style-type: none"> • SPPALP • TAMS • Sistem e-Kontrak
	vi. Sistem eParlimen	
	vii. Sistem Bantuan ICT	
	viii. Sistem Pemantauan Perlantikan Ahli Lembaga Pengarah (SPPALP)	
	ix. TAMS	

Inisiatif	Program	KPI
	x. E-Kontrak	<u>Januari 2018 – Disember 2018</u> Dua (2) sistem
	xi. E-Latihan	
	xii. EMS	
	xiii. Intranet Portal	<u>Januari 2019 – Disember 2019</u> Dua (2) sistem
	xiv. Laman Web MOT	
	xv. E-Integriti	
	xvi. eDSL	<u>Januari 2020 – Disember 2020</u> Satu (1) sistem
	16. Pelaksanaan Sistem Kerajaan Elektronik (EG) dan Perkongsian Pintar (Agensi Awam)	<u>Januari 2016 – Disember 2020</u> Sistem DDMS, MyMesyuarat dan HRMIS digunakan sepenuhnya.
	xvii. DDMS	
	xviii. MyMesyuarat	
xix. HRMIS		
6. Penyelenggaraan aplikasi	17. Penyelenggaraan aplikasi.	
	xx. Aplikasi sedia ada	<u>Januari 2016 – Disember 2020</u> Dua (2) penyelenggaraan sistem aplikasi setiap tahun
	- Portal Intranet MOT	
	- Sistem E-Parlimen	
	- Sistem Bantuan ICT	
	- eDSL	
	- SPPALP	
	- TAMS	
	- Laman Web MOT	
	- E-Kontrak	
	- TAMS	
	- E-Latihan	
- E-Integriti		
- EMS		
xxi. Aplikasi baru yang dibangunkan		
7. Pembangunan Enterprise Architecture (EA)	18. Kajian Keperluan Pembangunan EA secara Outsource	<u>Jun 2018- Jun 2019</u> Satu (1) dokumen laporan kajian EA
	19. Pembangunan EA yang telah diputuskan dalam kajian	
	i. Pembangunan EA Fasa I	<u>Julai 2019 - Jun 2020</u> Satu (1) EA Fasa I

Inisiatif	Program	KPI
	ii. Pembangunan EA Fasa II	Januari 2020 – Disember 2020 Satu (1) EA Fasa II Disember 2020 Satu (1) Sistem <i>Knowledge Management</i> siap dibangunkan
Teras 3 : Pematapan dan Pematuhan Tadbir Urus ICT		
8. Perwujudan dan Pematapan J/K ICT yang lebih menyeluruh dan komprehensif	20. Pematapan J/K Sedia Ada	Disember 2016 Tiga (3) terma rujukan bagi jawatankuasa sedia ada
	21. Penubuhan J/K dan Pasukan Baru	Disember 2017 Empat (4) terma rujukan bagi jawatankuasa baru
9. Pengukuhan semula struktur BPM	22. Penstrukturan Semula BPM	Jun 2017 Satu (1) dokumen Kertas Kerja Penstrukturan
	23. Pengisian Jawatan Pegawai Di Bawah Skim Perkhidmatan Teknologi Maklumat	Disember 2018 60% perjawatan diisi
10. Penggubalan dan pengukuhan dasar-dasar ICT	24. Kajian semula dasar, garis panduan, tatacara atau prosedur ICT sedia ada	Jun 2017 - Disember 2020 Dua (2) dokumen dasar, garis panduan, tatacara atau prosedur ICT dikaji semula setiap tahun
	25. Penambahbaikan dasar, garis panduan, tatacara atau prosedur ICT sedia ada	Disember 2017 - Disember 2020 Dua (2) dokumen dasar, garis panduan, tatacara atau prosedur ICT dikaji semula setiap tahun
	26. Pembangunan dasar, garis panduan, tatacara atau prosedur ICT baru	Januari 2018- Disember 2020 Satu (1) dasar, garis panduan, tatacara atau prosedur ICT diluluskan setiap tahun

Inisiatif	Program	KPI
	27. Penguatkuasaan dan Pemantauan Dasar, Garis Panduan, Tatacara atau Prosidur ICT	<u>Januari 2018- Disember 2020</u> Satu (1) laporan naziran setiap tahun Satu (1) laporan pemantauan setiap tahun
Teras 4 : Pengukuhan Kapasiti Modal Insan Melalui Pembudayaan ICT		
11.Peningkatan tahap kepakaran dan kemahiran ICT di kalangan: <ul style="list-style-type: none"> • Personel ICT • Warga MOT 	28. Kajian Keperluan Latihan ICT	<u>Januari 2016 - Disember 2017</u> Satu (1) Laporan Kajian Keperluan Latihan ICT (TNA ICT) <u>Januari 2018 - Disember 2019</u> Satu (1) Laporan Kajian Keperluan Latihan ICT (TNA ICT)
	29. Pembangunan Pelan Latihan dan Kepakaran Modal Insan ICT	<u>Januari 2016 - Disember 2020</u> Satu (1) Pelan Operasi Latihan ICT diluluskan
	30. Pelaksanaan latihan dan kepakaran modal insan ICT secara:	
	i. In-house	<u>Januari 2016 - Disember 2020</u> Mencapai pelaksanaan kursus ICT yang dirancang minimum 2 kali setiap tahun Mencapai kehadiran minimum lima (5) orang peserta bagi setiap kursus Satu (1) dokumen laporan kajian impak dan cadangan penambahbaikan kepada pelan latihan ICT

Inisiatif	Program	KPI
	ii. Outsource	<p><u>Januari 2016 – Disember 2020</u> Mencapai pelaksanaan kursus ICT yang dirancang minimum dua (2) kali setiap tahun</p> <p>Mencapai kehadiran minimum lima (5) orang peserta setiap kursus</p> <p>Sekurang-kurangnya satu (1) personel ICT menghadiri satu kursus kepakaran ICT setahun.</p> <p>Satu (1) laporan kajian impak dan cadangan penambahbaikan kepada pelan latihan ICT.</p>
	31. Penerapan daya kreatif dan inovatif ICT.	<p><u>Januari 2016- Disember 2020</u> Menganjurkan minimum satu (1) pertandingan setiap tahun.</p>
12. Peningkatan tahap kesedaran berkenaan keperluan dan pengetahuan ICT di kalangan warga MOT.	32. Pembudayaan penggunaan ICT dalam urusan rasmi dan tidak rasmi.	<p><u>Januari 2016- Disember 2020</u> Taklimat / e-mel kesedaran penggunaan ICT minimum tiga (3) kali setahun.</p> <p>Bengkel/ Seminar satu (1) kali setahun</p> <p>Satu (1) dokumen laporan keberkesanan program setiap tahun mulai akhir tahun 2013.</p>
	33. Pembudayaan dasar ICT menerusi penyebaran maklumat ICT, garis panduan dan prosedur ICT.	<p><u>Januari 2016- Disember 2020</u> Penyebaran maklumat sama ada menerusi e-mel, papan buletin dan brosur minimum enam (6) kali setahun</p>

Inisiatif	Program	KPI
13. Penggunaan aplikasi untuk peningkatan kualiti kerja secara optimum.	34. Pelaksanaan kursus dan latihan <i>hands-on</i> untuk aplikasi baru dan <i>refresher course</i> untuk aplikasi yang sedia ada.	Januari 2016- Disember 2020 Satu (1) taklimat dan satu (1) sesi <i>hands-on</i> untuk setiap aplikasi.

PELAN PELAKSANAAN

Jadual 4 menunjukkan bilangan projek bagi pelan pelaksanaan yang paling banyak dilaksanakan iaitu 13 program adalah daripada kategori jangka panjang manakala kaedah paling banyak digunakan iaitu sebanyak 25 program adalah secara *in-house*. Program ini melibatkan aktiviti penyenggaraan ICT daripada segi perkakasan, perisian, sistem aplikasi, tadbir urus ICT serta pembangunan modal insan. Sebanyak 13 program akan dilaksanakan secara *Quick Wins*.

Jadual 4: Bilangan Program Mengikut Pelan Dan Kaedah Pelaksanaan


Pelan Pelaksanaan	Kaedah Pelaksanaan		Jumlah Mengikut Pelan
	<i>In-house</i>	<i>Out source</i>	
<i>Quick Win</i>	9	4	13
Sederhana	0	4	4
Jangka Panjang	16	3	19
Jumlah Mengikut Kaedah	25	11	36

Namun begitu, **Jadual 5** menunjukkan enam (6) program yang dilaksanakan secara berfasa. Terdapat tiga (3) program adalah secara *in-house* dan tiga (3) program lagi secara *outsourcing*. Program ini mempunyai skop yang besar, kos yang tinggi dan tempoh masa yang panjang serta mempunyai impak tinggi bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan MOT.

Jadual 5: Program Pelan Pelaksanaan Berfasa

Pelan Pelaksanaan Bagi Kategori Berfasa	Program
<i>In-house</i>	• Kajian keperluan perkakasan dan perisian ICT
	• Penstrukturan semula BPM
	• Pengisian Jawatan Pegawai Di Bawah Skim Perkhidmatan Teknologi Maklumat
<i>Outsource</i>	• Perolehan perkakasan dan perisian ICT
	• Pembangunan SMPN
	• Pembangunan KM yang telah diputuskan dalam kajian EA

Pelaksanaan keseluruhan inisiatif ICT di bawah PSTM MOT 2016-2020 digambarkan seperti **Rajah 7** di bawah.



Rajah 7: Pelan Pelaksanaan Mengikut Tahun

FAKTOR KRITIKAL KEJAYAAN

Faktor Kritikal Kejayaan merupakan salah satu kriteria penting dalam memastikan kejayaan pelaksanaan Pelan Strategik Teknologi Maklumat MOT. Berdasarkan kepada pelan tindakan yang telah dihasilkan, maka terdapat beberapa faktor utama yang telah dikenal pasti yang akan menentukan keberkesanan pelaksanaan setiap program dan inisiatif PSTM. Faktor-faktor tersebut adalah seperti yang ditunjukkan pada **Rajah 8** berikut :



Rajah 8: Faktor Kritikal Kejayaan

PENUTUP

Pelan Strategik Teknologi Maklumat (2016 - 2020) adalah merupakan satu dokumen *blueprint* bagi MOT untuk membangun dan mengoptimumkan (*optimise*) penggunaan ICT dalam mencapai hala tuju dan objektif pelan strategik MOT. Pelan ini hendaklah dipantau daripada semasa ke semasa dan dikaji semula jika perlu, supaya ICT akan terus menjadi pemangkin kepada MOT dalam mencapai hasrat menjadi peneraju sistem pengangkutan bersepadu bertaraf dunia demi kesejahteraan sejagat.